

SATU TINJAUAN SENI PERSEMBAHAN DARI PANDEMIK KE PASCA COVID-19: MAYA ATAU KONVENSIONAL? *A SURVEY OF THE PERFORMING ARTS FROM THE PANDEMIC TO POST COVID-19: VIRTUAL OR CONVENTIONAL?*

ELVIN DAINAL

*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Jalan UMS
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

Corresponding author: elvindainal@gmail.com

Tarikh dihantar: 4 Mei 2023 | Tarikh diterima: 4 Jun 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.4792>

ABSTRAK Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) sebagai pandemik. Malaysia telah mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan secara berperingkat bermula 18 Mac 2020, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), dan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) di seluruh negara. Berikutan dengan arahan kawalan pergerakan ini, segala aktiviti sosial dan budaya termasuk industri kreatif secara konvensional dibatalkan serta-merta. Sepanjang tempoh pandemik ini, penggiat muzik di Sabah telah membuat inisiatif untuk berkarya secara maya atas talian. Persoalannya, apakah jenis persembahan muzik yang sesuai diinisiatifkan secara maya? Setelah dua tahun, pada 1 April 2022, kerajaan telah mengambil langkah untuk masuk ke Fasa Peralihan Endemik COVID-19. Ini bermaksud industri kreatif dibenarkan berkarya secara konvensional semula. Melihat kepada perubahan mekanisma ini, adakah persembahan muzik di Sabah masih relevan untuk dijalankan secara maya atau konvensional? Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa ada aktiviti persembahan muzik yang masih relevan di pasca COVID-19, namun yang lainnya sudah kembali kepada konvensional.

Kata kunci: COVID-19, Sabah, platform atas talian, penggiat seni muzik, seni persembahan maya, seni persembahan konvensional.

ABSTRACT *At the end of 2019, the world was shocked by the emergence of a dangerous viral disease, called the 2019. On March 11, 2020, the World Health Organization (WHO) declared Coronavirus (COVID-19) disease as a pandemic. Malaysia has issued instructions for the Movement Control Order (MCO) to be implemented in stages starting March 18, 2020, followed by*

the Conditional Movement Control Order (CMCO), the Recovery Movement Control Order (RMCO), and the Enhanced Movement Control Order (EMCO) all over the country. Following this movement control order, all social and cultural activities including conventional creative industries are cancelled immediately. Throughout this pandemic period, music art players in Sabah have taken the initiative to work virtually online. The question is, what kind of music performance art is suitable to be initiated virtually? After two years, on April 1, 2022, the government has taken steps to enter the Endemic Transition Phase of COVID-19. This means the creative industry is allowed to work conventionally again. Looking at this change in mechanism, is the music performance in Sabah still relevant to be carried out virtually or conventionally? The observation results show that musical performance art activities are still relevant post-Covid-19, but others have returned to conventional.

Keywords: *COVID-19, Sabah, online platforms, music art players, virtual performing art, conventional performing art.*

PENGENALAN

Pada akhir tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan kemunculan satu penyakit virus berbahaya, dinamakan Coronavirus 2019 (COVID-19) yang disebabkan oleh sindrom pernafasan akut teruk coronavirus 2 (SARS-CoV-2). Kes pertama penyakit virus ini mula-mula dilaporkan di Wuhan, Wilayah Hubei, China. Kemudian pada akhir Disember 2019, ianya telah merebak dengan cepat ke seluruh dunia dalam tempoh yang singkat dan menyebabkan jutaan manusia telah mati. Ini memaksa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkannya sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020 (World Health Organization, 2020; CDC COVID-19 Response Team, 2020; Cucinotta & Vanelli, 2020; Zhu *et al*, 2020; Cascella *et al*, 2023).

Pada 25 Januari 2020, Malaysia mengesahkan tiga kes pertama COVID-19 yang kesemuanya adalah kes import (Hashim, 2021). Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan empat (4) fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac sehingga 12 Mei 2020. Kemudian, arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan pada 4 Mei sehingga 9 Jun 2020 untuk menggantikan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan arahan Perintah kawalan Pergerakan Pemulihan pada 10 Jun 2020 sehingga 30 Ogos 2020 (*Berita Harian*, 2021).

Berikutan dengan arahan kawal pergerakan ini, segala aktiviti sosial dan budaya termasuk industri kreatif secara konvensional dibatalkan serta-merta, dengan status dilarang dan ditutup (Majlis Keselamatan Negara, 2020a:9; 2020b:8). Penggiat seni muzik di Sabah antara pemain industri kreatif yang terkesan ekoran daripada penularan pandemik ini. Pemuzik kebanyakannya mencari rezeki daripada persembahan langsung secara konvensional seperti di hotel *lounge*, majlis perkahwinan, majlis korporat, dan *busking*. Bahkan premis kelas muzik terpaksa ditutup kerana tidak mampu menampung kos operasi seperti sedia kala; dan pengusaha '*sound system*' tidak mempunyai sewaan tempahan. Lantas, penggiat seni memikirkan suatu inisiatif untuk menukar platform persembahan konvensional kepada bentuk persembahan maya secara atas talian sepanjang tempoh pandemik tersebut.

Setelah dua tahun hidup dalam suasana pandemik, pada tanggal 1 April 2022 kerajaan Malaysia telah mengambil langkah masuk ke Fasa Peralihan Endemik COVID-19 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Tindakan fasa peralihan endemik ini memberi kegelisahan kepada rakyat di kala penyakit berjangkit ini masih belum selesai. Namun, pengumuman ini membuka ruang untuk pemain industri kreatif berkarya semula tetapi dengan mengikuti arahan pencegahan dalam protokol prosedur operasi standard (SOP). Ini bermakna, seni persembahan muzik sudah dibenarkan menjalankan aktiviti secara konvensional semula.

KONSEP SENI PERSEMBAHAN

Seni Persembahan merujuk kepada teori dan amali tari, muzik dan drama, teater dan filem. Ianya merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan budaya yang merangkumi manusia kreatif, produk artistik dan kemudahan persembahan seperti ruang persembahan dalaman dan luaran seperti panggung, dewan konsert dan amfiteater (Agensi Kelayakan Malaysia, 2013:1).

Seni Persembahan Konvensional

Konvensional bermaksud sesuatu (seperti amalan, tingkah laku, ciri-ciri) yang sudah diiktiraf dengan meluasnya dan diikuti, sebagaimana kebiasaannya, apa sahaja yang sudah diterima dan diamalkan secara meluas dan berterusan (*Kamus Dewan*, 2010). Amalan seni persembahan ini dilakukan di hadapan penonton secara bersemuka secara fizikal.

Seni Persembahan Maya

Maya pula diertikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan komputer dan internet (*Kamus Dewan*, 2010). Seni persembahan maya boleh diterangkan sebagai persembahan yang ditayangkan secara atas talian samada melalui rakaman awal atau secara langsung. Ianya juga mempunyai konsep sama dengan seni persembahan konvensional yang mempunyai penonton tetapi tidak bersemuka secara fizikal.

KAJIAN LEPAS

Kajian ilmiah mengenai seni persembahan maya dan konvensional masih kurang dan terhad (Slater *et al*, 2022; Nur *et al*, 2021; Lovebridge, 2020; Kusuma, 2020); tetapi penerbitan yang ada tertumpu di pelbagai media alternatif seperti majalah, akhbar, laman web dan sosial media. Bandwagon (2021) menyatakan antara 20 konsert maya yang dianjurkan melalui sosial media *Youtube* diadakan pada tahun 2020, antaranya *Billie Eilish: Where Do We Go? The Livestream*, *Architects: Live at the Royal Albert Hall*, *Dua Lipa: Studio 2054*, dan *BTS: Map of the Soul On:E*. Shukla (2020) pula membincangkan tentang perubahan persembahan atas pentas ke persembahan dalam talian. Sejak wabak itu bermula, bilangan penonton yang menonton strim langsung persembahan muzik dan konsert telah memuncak menerusi platform seperti *YouTube*, *Twitch* dan *Instagram*. Daripada John Legend dan Chris Martin dari Coldplay kepada Taylor Swift dan Shawn Mendes, artis di seluruh dunia telah menyedari potensi sebenar konsert dalam talian. Dengan pengguna dijangka mempunyai akses kepada sambungan internet yang lebih

pantas dalam beberapa hari akan datang, adalah selamat untuk mengatakan bahawa persembahan dalam talian akan mengekalkan status persembahan mereka. Selain itu, semua orang menyukai penyelesaian yang mudah, dan konsert dalam talian menawarkan tahap kemudahan yang tidak sama oleh persembahan di atas pentas (ibid).

PERSOALAN DAN OBJEKTIF

Melihat kepada perubahan mekanisma seni persembahan muzik sepanjang tempoh pandemik kepada pasca COVID-19, beberapa persoalan timbul. Pertamanya, sepanjang tempoh pandemik COVID-19, apakah jenis aktiviti seni persembahan muzik yang telah diinisiatifkan secara maya atas talian oleh penggiat seni muzik Sabah? Bagaimanakah sambutan daripada penonton atas talian terhadap aktiviti yang dijalankan? Keduanya, di pasca COVID-19, adakah aktiviti seni persembahan muzik ini masih diteruskan oleh penggiat seni Sabah? Adakah seni persembahan muzik ini relevan dilakukan secara maya atau konvensional? Maka, bagi menjawab persoalan yang timbul, tinjauan ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis aktiviti yang diinisiatifkan oleh penggiat seni Sabah sepanjang tempoh pandemik COVID-19, dan seterusnya untuk melihat samada aktiviti ini relevan secara maya atau konvensional di pasca COVID-19.


Bagi limitasi kajian ini, dihadkan kepada dua tempoh masa iaitu Fasa Pandemi COVID-19, dan juga Fasa Endemik COVID-19. Fasa Pandemi COVID-19 adalah bermula dari bulan 18 Mac 2020 di mana arahan kawalan pergerakan mula dilaksanakan sehingga 31 Mac 2022. Bagi Pasca COVID-19 pula, ianya merujuk kepada Fasa Peralihan Endemik COVID-19 bermula 1 April 2022 sehingga 1 April 2023 pada masa penulisan kajian ini. Lokasi kajian ini ditumpukan kepada kawasan ibu negeri Sabah, iaitu Bandaraya Kota Kinabalu.

METODOLOGI

Selaras dengan reka bentuk penyelidikan kualitatif interpretif, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian melalui internet. Menurut Creswell (2016), kaedah pemerhatian adalah salah satu alat utama untuk mengumpul

data dalam penyelidikan kualitatif. Disokong oleh Saunders (2019), bahawa “pendekatan ini menyesuaikan pemerhatian tradisional dengan menukar cara pemerhatiannya daripada lisan/visual/dekat kepada tekstual/digital/maya untuk membolehkan penyelidik semata-mata memerhati atau mengambil bahagian dengan ahli komuniti dalam talian untuk mengumpul data”.

Pemerhatian awal dilakukan untuk mengenal pasti apakah jenis aktiviti seni persembahan muzik yang telah dijalankan oleh penggiat seni Sabah secara maya sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Kemudian, pada pemerhatian akhir di pasca COVID-19, pengkaji akan membincangkan apakah status aktiviti seni persembahan muzik ini masih dalam bentuk maya atau konvensional.



Rajah 1 Kerangka kajian seni persembahan

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Pertandingan Nyanyian Atas Talian

Sugandoi Kaamatan (Online) KDCA 2020

[Pandemik COVID-19] Lazimnya, pertandingan *Sugandoi Kaamatan* ini diadakan secara konvensional pada setiap tahun sejak dari awal tahun 1990an lagi. Tanpa acara ini, masyarakat Kadazan Dusun merasakan bahawa sambutan perayaan Kaamatan ini tidak bermakna. *Sugandoi Kaamatan (Online)* 2020 peringkat Negeri Sabah adalah merupakan anjuran oleh Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang diadakan pada bulan Mei 2020. Pertandingan ini dijalankan secara maya atas talian menerusi platform laman *Facebook Sugandoi Artist Management (SAM)* (Bingkasan, 2020; Kamaludin, 2020; Agency, 2020). Konsep pertandingan ini secara atas talian dimana peserta perlu merakam satu video persembahan dalam bentuk [dot]mp4 atau [dot]mpeg, tanpa ada sebarang suntingan audio atau video dan dihantar kepada pihak penganjur untuk proses penilaian juri profesional bermula dari peringkat saringan, separuh akhir, dan akhir. Pada tahun 2021, pertandingan ini diadakan secara hibrid dimana hanya peserta akhir, juri profesional, dan ahli jawatankuasa penganjur berada dalam dewan pertandingan tanpa penonton, dikawal oleh pihak penguat kuasa. Bahagian penyiaran penganjur pula menyiarkan pertandingan ini menerusi *Facebook TV* Sabah.



Rajah 2 Iklan Pertandingan *Sugandoi Kaamatan (Online) KDCA 2020*
Sumber: *Facebook ERA SABAH*


[**Pasca COVID-19**] *Sugandoi Kaamatan* kembali kepada konvensional sepenuhnya pada Mei 2022 tetapi masih lagi mengikuti protokol prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagaimanapun, siaran secara langsung atas talian masih diteruskan untuk dipertontonkan kepada orang ramai di Sabah menerusi *Facebook TV Sabah*.

2. Pertandingan Mencipta Lagu Baru

Pertandingan Mencipta Lagu Dusun *Online (PMLDO)*

[**Pandemik COVID-19**] Pertandingan ini adalah satu pertandingan mencipta lagu dalam bahasa Dusun, dan diadakan sepenuhnya secara atas talian menggunakan platform *YouTube* melalui akaun sosial media penganjur, George Duat (*Facebook PMLDO*, n.d). Ia bertujuan untuk mencari dan mengetengahkan bakat dalam penulisan lagu serta penulisan lirik negeri Sabah

yang memang terkenal sebagai gudang bakat (*Utusan Borneo*, 2020). Bermula dengan PMLDO 1.0 (2020), sebanyak 64 buah lagu penyertaan hasil ciptaan 50 orang komposer telah dihantar untuk penilaian oleh juri profesional (ibid). Kemudian PMLDO 2.0, peningkatan sebanyak 98 buah lagu penyertaan oleh 75 komposer telah diterima oleh pihak penganjur (Siaran *Facebook* PMLDO, 23 Nov 2021).



Rajah 3 Akaun sosial media PMLDO
Sumber: *Youtube* PMLDO




Rajah 4 Akaun sosial media PMLDO
Sumber: *Facebook* PMLDO

[Pasca COVID-19] Pertandingan ini masih diteruskan secara maya, dan telah masuk ke musim ketiga. Pada PMLDO 3.0, sebanyak 59 buah lagu telah diterima oleh pihak penganjur untuk penilaian 5 orang juri profesional (Siaran *Facebook* PMLDO, 13 Januari 2023). Hadiah utama bernilai ribuan ringgit sedikit sebanyak memberi motivasi penggiat seni untuk berkarya sambil mencari pendapatan melalui pertandingan ini.

3. Persembahan Langsung Atas Talian

The Dreamers Borneo FB Live

[**Pandemik COVID-19**] “Pandemik COVID-19 telah banyak memberi kesan kepada semua penghibur termasuk pemuzik *The Dreamers*. Mereka juga seperti kebanyakan penghibur tidak mengadakan sebarang gigs atau pertunjukan sejak Februari 2020” (*The Dreamers Borneo*, 2020). Persembahan muzik secara maya buat julung kalinya adalah pada 15 November, 2020, dengan tema *Back to the 60’s (Part I)* dan dilihat sebanyak 7.1k tontonan. Kali terakhir persembahan muzik maya *The Dreamers Borneo* ialah pada 19 Disember 2021, dengan tema *Christmas Party*. Dengan durasi selama satu jam, persembahan itu telah ditonton sebanyak 1.5k tontonan.




Rajah 5 Iklan Bergambar Persembahan *Back to the 60’s*

Sumber: *Facebook The Dreamers Borneo*

[**Pasca COVID-19**] Tidak ada lagi sebarang maklumat persembahan muzik maya selepas masuk ke fasa endemik. Oleh kerana Malaysia sudah memasuki fasa endemik, *The Dreamers Borneo* kembali sepenuhnya kepada persembahan konvensional.

Wiri Wiri Live Busking (Duo)

[Pandemik COVID-19] Persembahan solo atau duo secara atas talian daripada pemuzik tempatan di Sabah tumbuh bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Secara konvensional, golongan pemuzik ini ada pemuzik *busking*. Kumpulan duo Wiri Wiri, yang juga terkesan oleh wabak ini meneruskan karya persembahan mereka melalui platform *Facebook*. Namun cabaran yang dihadapi oleh mereka apabila mengadakan penstriman langsung, kadang kala rangkaian internet tidak stabil menyebabkan audio dan visual terganggu. Maka, kaedah yang terbaik adalah melalui rakaman awal (*pre-recorded*), dan ditayangkan secara maya atas talian.



Rajah 6 Persembahan Wiri Wiri duo tahun 2020

Sumber: *Facebook* Wiri Wiri


[Pasca COVID-19] Wiri Wiri, di pasca COVID-19 tidak lagi meneruskan persembahan mereka secara maya atas talian, kerana mereka kembali fokus kepada cara konvensional seperti majlis perkahwinan, persembahan jemputan, dan persembahan *busking*. Terkini, mereka meluaskan lagi cara berkarya mereka dengan mencipta lagu bertajuk *Ohuyan* dan

menghantar ke stesen Radio Era Sabah FM untuk dimasukkan ke dalam Carta Lagu Era (Francis, R., komunikasi peribadi, 17 Mac 2023). Walaupun sudah kembali ke cara konvensional, peluang berkarya menerusi media masa masih diteruskan.

4. Persembahan Koir Maya

Koir maya Kaamatan (*Kaamatan Virtual choir*)


[**Pandemik COVID-19**] Persembahan koir sudah menjadi kebiasaan bagi kaum Kadazandusun setiap kali perayaan Pesta Kaamatan diadakan. Sambutan di peringkat kampung, ke daerah, dan ke peringkat negeri Sabah pun, persembahan koir itu sudah dianggap wajib sebagai pengisian aktiviti perayaan tahunan. Ketika pandemik COVID-19, usaha mereka untuk melaksanakan koir adalah dengan membuat koir maya (*virtual choir*), iaitu membuat rakaman awal (*pre-recorded*), kemudian suntingan dilakukan, dan akhirnya dipersembahkan melalui platform sosial media seperti *Youtube* dan *Facebook*. Arahan perintah kawalan pergerakan ini tidak menghalang untuk masyarakat Sabah terus menyambut perayaan ini atas talian walaupun perayaan fizikal adalah dilarang.



Rajah 7 Koir maya semasa Pesta Kaamatan 2020

Sumber: *Youtube* Sukod Wagu Production

Menyedari akan semangat merayakan bersama, perayaan Gawai juga tidak terkecuali. Hasilnya, gabungan koir dari Sabah dan Sarawak terhasil seperti koir maya Kaamatan Gawai Medley bagi menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2020 (lihat Rajah 7).



Rajah 8 Koir maya Kaamatan & Gawai 2020

Sumber: *Youtube* Raphel Suyong Gor

[Pasca COVID-19] Melalui pemerhatian penulis, koir secara maya tidak diteruskan dan tidak ada kemas kini persembahan yang dimuat naik di sosial media Sukod Wagu Production dan Raphel Suyong Gor selepas masuk ke fasa endemik. Penulis berpendapat bahawa kumpulan koir ini berkarya secara konvensional di tempat masing-masing.

5. Program Pemulih Seni Budaya CENDANA

A Better Tomorrow Band Showcase

[Pandemik COVID-19] Program Pemulih Seni Budaya CENDANA ini adalah pakej rangsangan oleh kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk membantu masyarakat dan perniagaan mengatasi kesusahan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 (CENDANA, n.d). Terdapat beberapa program pembiayaan yang dibuka kepada penggiat seni Malaysia seperti Program

Pembiayaan Karya Kilat, Program Pembiayaan Muzik Independen, Program Pemulihan Ruang Seni, Program Adiguru CENDANA, dan Program Pembiayaan Produksi Seni Visual (ibid). Di Sabah, komuniti muzik bawah tanah (*underground music*) ini bersatu hati untuk berkarya. Maka, dengan inisiatif mereka, terhasillah satu program yang dinamakan sebagai *A Better Tomorrow Band Showcase* dan dibiayai oleh salah satu geran iaitu Program Pembiayaan Muzik Independen. Konsep program ini adalah penstriman langsung dan masa sebenar, atau secara maya atas talian.



Rajah 9 Iklan promo *A Better Tomorrow Band Showcase 2021*

[Pasca COVID-19] Program biaya CENDANA ini merupakan pembiayaan sekali sahaja. Komuniti pemuzik bawah tanah ketika ini masing-masing mencari gig untuk berkarya, dan ada juga beberapa acara yang bersama diteruskan menerusi platform *Facebook*.

KESIMPULAN

Penularan kes pandemik COVID-19 ini menyebabkan persembahan muzik konvensional diubahsuai kepada bentuk maya secara atas talian bermula pada tahun 2020. Inisiatif penggiat seni untuk berkarya secara maya merupakan suatu usaha yang bermanfaat sesuai dengan kemodenan teknologi yang semakin canggih zaman sekarang. Tempoh dua tahun hidup dalam suasana pandemik ini banyak memberi harapan kepada penggiat muzik di Sabah; (i) seharusnya lebih banyak bakat lokal mempersembahkan muzik mereka kepada umum melalui platform digital seperti sosial media *Facebook* dan *Youtube*; dan (ii) membuka peluang penggiat muzik Sabah untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti yang mempunyai cita rasa ‘lokal’ atau identiti penggiat seni itu sendiri.

Ada juga pertandingan atas talian ini yang masih diteruskan sehingga ke hari ini walaupun kerajaan sudah membenarkan aktiviti konvensional dijalankan seperti sedia kala. Salah satunya adalah Pertandingan Mencipta Lagu Dusun *Online (PMLDO)* sudah pun masuk ke musim yang ketiga pada tahun 2022 kerana sambutan penggiat seni muzik Dusun yang begitu memberangsangkan walau hanya diadakan sepenuhnya menerusi platform digital. Walaupun persembahan muzik maya secara atas talian ini masih relevan untuk diteruskan di pasca COVID-19, namun kebanyakan penggiat muzik di Sabah khasnya Kota Kinabalu lebih memilih kepada persembahan secara konvensional di pasca COVID-19.

Akan tetapi, tidak mustahil pada masa akan datang lebih banyak seni persembahan muzik yang akan dibuat secara maya atas talian dengan bantuan teknologi kejuruteraan bunyi. Seperti teknologi *Dolby Atmos* (format bunyi sekeliling) yang sudah pun diaplikasikan ke bidang perfileman, inikan pula dalam persembahan muzik yang sememangnya bunyi adalah komponen utama. Akhir sekali, penulis berpendapat bahawa pada abad ke-21 ini, muzik itu lebih ‘hidup’ jika dimainkan secara konvensional kerana pemuzik mahupun penonton dapat merasai pengalaman mendengar muzik yang lebih autentik.

RUJUKAN

- Agency. (2020). *Sabah's Kaamatan Festival: Unduk Ngadau, Sugandoi contests to be streamed online*. The Star. Diakses pada 13 April, 2023 daripada <https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2020/05/25/sabah039s-kaamatan-festival-unduk-ngadau-sugandoi-contests-to-be-streamed-online>.
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2013). *Standard Program: Seni Persembahan*. Diakses pada 29 April 2023 daripada https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/2013/ART_Final%20BM%2023122013.pdf.
- Bandwagon. (19 Januari 2021). *Breaking into the new normal: 20 virtual concerts in 2020*. [Catatan blog]. <https://www.bandwagon.asia/articles/virtual-concert-show-dua-lipa-billie-ilish-bts-joji-justin-bieber-nct-sb19-alden-richards-woodz-tesseract-lamb-of-go-d-linkin-park-tomorrowland-new-normal-pandemic-quarantine-2020>.
- BERNAMA, (12 Januari 2021). Kronologi pelaksanaan fasa PKP. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-ppk>.
- Bingkasan, V.G. (2020). *Unduk Ngadau, Sugandoi Kaamatan Peringkat Negeri Sabah Diadakan*. Utusan Borneo Online. Diakses pada 13 April 2023 daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/25/unduk-ngadau-sugandoi-kaamatan-per-ingkat-negeri-sabah-diadakan>.
- Cascella, Marco., Rajnik, Michael., Aleem, Abdul., Dulebohn, Scott C., Di Napoli, Raffaella. (Jan 09, 2023). *Features, Evaluation, and Treatment of Coronavirus (COVID-19)*. National Library of Medicine (NIH). Retrieved on Apr 17, 2023, from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK554776/>.
- CDC COVID-19 Response Team. (2020). Severe Outcomes Among Patients with Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) - United States, February 12-March 16, 2020. *MMWR. Morbidity and mortality weekly report*, 69(12), 343–346. <https://doi.org/10.15585/mmwr.mm6912e2>.
- CENDANA. (n.d). *CENDANA Grants: Program Pemulih Seni Budaya CENDANA*. Diakses pada 4 Mei 2023 daripada <https://www.cendana.com.my/ace-hab/cendana-grants/program-pemulih-seni-budaya-cendana>.
- Creswell, J. W. (2016). *30 essential skills for the qualitative researcher*. United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020). WHO Declares COVID-19 a Pandemic. *Acta bio-medica: Atenei Parmensis*, 91(1), 157–160. <https://doi.org/10.23750/abm.v91i1.9397>
- Francis, Rolland. Komunikasi peribadi. (17 Mac, 2023).
- Hashim, J. H., Adman, M. A., Hashim, Z., Mohd Radi, M. F., & Kwan, S. C. (2021). COVID-19 Epidemic in Malaysia: Epidemic Progression, Challenges, and Response. *Frontiers in public health*, 9, 560592. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.560592>

- Kamaludin, Kazalinah. (2020). *Sugandoi Kaamatan Negeri 2020* dianjurkan atas talian. *Harian Ekspres*. Diakses pada 13 April, 2023 daripada <https://www.dailyexpress.com.my/news/153153/sugandoi-kaamatan-negeri-2020-dianjur-atas-talian/>.
- Kamus Dewan*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). COVID-19 Malaysia: Fasa Peralihan Ke Endemik. Diakses pada 12 April, 2023. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/04/fasa-peralihan-ke-endemik-01042022>.
- Kusuma, P. S. D. (2020). Children virtual concert in the covid-19 pandemic. *Journal of Music Science, Technology, and Industry*, 3(2), 247-260.
- Loveridge, Ben. (2020). Networked Music Performance in Virtual Reality: Current Perspectives. *Journal of Network Music and Arts* 2, 1. <https://commons.library.stonybrook.edu/jonma/vol2/iss1/2>.
- Majlis Keselamatan Negara. (18 Mac 2020a). Kenyataan Media, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/03/PERGERAKAN-KAWALAN-COVID19-amended-1_8032020-UPDATED-12.12AM.pdf.
- Majlis Keselamatan Negara. (31 Oktober 2020b). SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Seluruh Negeri Sabah. https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-PKPB-Seluruh-Sabah-27-Okt-9-Nov-2020-kem_askini-31-Okt-2020.pdf.
- Nur, F. A., Wenerda, I., Fatonah, N., & Palupi, Y. (2022). Virtual Concert as The New Lifestyle During Covid-19. *Jurnal Spektrum Komunikasi*, 10(3), 215-223.
- Pertandingan Mencipta Lagu Dusun Online – PMLDO. (n.d). *Home [Facebook Page]*. Facebook. Diakses pada 14 April, 2023.
- Pertandingan Mencipta Lagu Dusun Online bermula 7 November hingga 31 Disember 2020. (2020, 06 Nov). *Utusan Borneo*. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20201106/282119229058810>.
- Saunders, M., Lewis, P., Thornhill, A. (2019). *Research Methods for Business Studies (8th Ed.)*. Pearson.
- Shukla, Shivang. (9 December 2020). Online Performance vs Onstage Performance: How Live Streaming Platforms are Changing the Game. [Catatan blog]. <https://flutin.com/blog/index.php/2020/12/online-performance-vs-onstage-performance/>.
- Slater, M., Cabriera, C., Senel, G., Banakou, D., Beacco, A., Oliva, R., & Gallego, J. (2022). The sentiment of a virtual rock concert. *Virtual Reality*, 1-25.
- The Dreamers Borneo. (10 November 2020). *Please join us on FB Live this Sunday, 15 November 2020 at 6.00 pm to go down Memory Lane [Imej dilampirkan] [Kemas kini status] Facebook*.
- World Health Organization. (2020). WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19. (*No Title*).
- Zhu, H., Wei, L., & Niu, P. (2020). The novel coronavirus outbreak in Wuhan, China. *Global health research and policy*, 5, 6. <https://doi.org/10.1186/s41256-020-00135-6>.